

INTELLECTUAL PROPERTY OFFICIAL JOURNAL Batch No. 2/2023

1. List of Accepted Application for Registration
Senarai Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran
2. Details of Accepted Application for Registration (Pursuant to Section 13 of Geographical Indications Act 2022)
Butir-Butir Permohonan yang Disetujuterima untuk Pendaftaran (Menurut Seksyen 13 Akta Petunjuk Geografi 2022)

List of Accepted Application for Registration

Application Number	Class
GI2023000001	4
GI2023000002	3
GI2023000003	2
GI2023000004	5

APPLICATION NO.	GI2023000001
DATE OF FILING	15 Jun 2023
REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION	KRAF WAU KAPAL SELANGOR
CLASS 4	
LIST OF GOODS: KRAF (WAU)	
APPLICANT'S NAME/ ADDRESS /NATIONALITY/CAPACITY	Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor/ Muzium Sultan Alam Shah, Persiaran Bandaraya, Shah Alam, Selangor Malaysia / Malaysia / Government Agency

THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES



THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

Rekabentuk Wau Kapal ini mempunyai ciri-ciri yang unik iaitu satu-satunya wau tradisional Melayu yang menggunakan benda ciptaan manusia iaitu kapal berbanding lain-lain wau yang telah menggunakan unsur binatang. Ciri-ciri yang terdapat pada sebuah kapal Jong Melayu iaitu bentuk tiang layar, tiang bendera dan bentuk badan kapal dilihat mempengaruhi konsep rekabentuk Wau Kapal Tradisi. Terdapat dua jenis Wau Kapal yang dimainkan iaitu Wau Kapal Tradisi dan Wau Kapal Moden dimana ianya dapat dibezakan melalui bentuk pada ekor. Walaubagaimanapun dapat dilihat Wau Kapal Tradisi mempunyai nilai-nilai seni yang mendalam serta mempunyai maksud tersurat dan tersirat dalam setiap unsur-unsur seni serta prinsip rekaannya. Hasil kajian mendapati, terdapat dua ciri utama yang membezakan Wau Kapal dengan lain-lain wau di Malaysia iaitu rekabentuk dan motif hiasan. Wau kapal secara umumnya mempunyai dua rekabentuk iaitu tradisi dan moden dan kedua-duanya mempunyai sifat fizikal yang tersendiri.

Wau Kapal Tradisi mempunyai sayap yang lebar dengan Teknik motif hiasan tebuk dan tampal motif Bunga Tanjung. Penghasilannya lebih rumit dan sukar terutama lenturan bagi membentuk kapal bada bahagian ekor wau ini. Konsep rekabentuk Wau Kapal Tradisi adalah menyerupai ciri-ciri bentuk kapal Jong Melayu yang mempunyai bahagian tepi badan yang melengkung, tiang bendera, ombak

air dan tiang layer. Sayap, ekor, bendera, tulang belakang dan kepala, merupakan anatomi bagi membentuk sebuah Wau Kapal Tradisi yang lengkap. Wau Kapal Moden mempunyai sayap yang lebih runcing dan panjang serta tidak mempunyai ragam hias yang tetap. Bentuk Wau Kapal Moden lebih ringkas dan mudah dihasilkan. Motif bunga tanjung tidak digunakan dan hiasan Fee Code GIA7 telepek hanya menggunakan motif bebas. Sayap pada Wau Kapal Moden lebih panjang, iaitu 65 inci berbanding 60 inci pada Wau Kapal Tradisi. Wau Kapal Moden juga lebih tinggi berbanding Wau Kapal Tradisi, iaitu setinggi 50 inci berbanding ketinggian Wau Kapal Tradisi yang hanya berketinggian 40 inci. Motif hiasan pada Wau Kapal adalah menggunakan teknik telepek tebuk dan tampal bunga tanjung. Bahagian ekor dan sayap Wau Kapal tidak mempunyai kesinambungan corak yang sama. Bentuk corak bagi motif hiasan Wau Kapal bersifat geometri. Penggunaan warna asas lebih tertumpu pada motif hiasan Wau Kapal. Corak pada motif bunga tanjung Wau Kapal adalah berlapis. Jalinan yang terbentuk pada permukaan lapisan motif hiasan Wau Kapal adalah lembut, rata dan tajam. Wau Kapal adalah ringan. Bentuk bendera pada Wau Kapal adalah hiasan seperti fungsi rambu. Keunikan bentuk kraftangan serta motif hiasan yang mempunyai identiti tersendiri serta budaya benda yang dapat menggambarkan cara hidup sesuatu masyarakat.

Sumber pertama mengenai bila bermulanya permainan layang-layang atau Wau Kapal di negeri Selangor dipercayai sejak tahun 1850-an, iaitu semasa pemerintahan Sultan Muhammad sebelum terjadinya Perang Saudara di Kelang (lebih dikenali sebagai 'Perang Kelang') antara pengikut Raja Abdullah dan pengikut Raja Mahadi bagi menguasai bijih timah di kawasan Sungai Kelang. Perang Kelang tahap pertama berlaku pada tahun 1867-1869. Perang Kelang tahap kedua berlaku pada 1870-1873. Konsep nama dan reka bentuk wau di negeri Selangor dipengaruhi oleh persekitaran Selat Melaka suatu ketika dahulu yang menjadi tumpuan aktiviti perdagangan yang dikunjungi banyak kapal dagang dari seluruh dunia terutama Eropah, Asia dan Kepulauan Melayu (Yahya Yusof, temubual) Negeri Selangor pula suatu ketika dahulu terkenal dengan hasil pengeluaran bijih timah yang menjadi tarikan kemasukan banyak kapal-kapal ke perairan negeri Selangor terutama dari British dan Belanda. Selain itu, kewujudan kapal-kapal perang dalam beberapa peristiwa peperangan yang berlaku di negeri ini seperti Perang Selangor-Belanda (1784-1786) dan Perang Kelang (1867-1869) menjadikan senario perkapalan amat sinonim dengan negeri Selangor. Keadaan ini memberi ilham kepada penduduk setempat melihat serta mengamati ciri-ciri kapal seperti badan kapal yang membelah air, layar, pelampung, sauh, tingkap seterusnya menjadikannya sebagai konsep utama dalam penciptaan reka bentuk dan ragam hias Wau Kapal. Maklumat yang diperolehi adalah melalui kajian yang dilakukan merangkumi semua daerah dalam negeri Selangor yang tertumpu di daerah Kuala Selangor, Sabak Bernam, Klang, Sepang dan Kuala Langat. Matlamat diperolehi dengan menggunakan kaedah pemerhatian, partisipasi dan temubual dengan tokohtokoh berwibawa dalam bidang ini. Wau Kapal merupakan salah satu warisan watan negeri Selangor yang penting dan sekali gus sangat perlu dipelihara (preserve) dan dipulihara (conserve) kerana ia merupakan salah satu lambang jati diri Melayu negeri ini. Ciri-ciri warisan pada wau ini ialah elemen dan konsep reka bentuknya tidak mempunyai unsur-unsur yang bertentangan dengan Islam seperti bentuk haiwan atau imej-imej agama lain, sebaliknya, ia menggunakan unsur-unsur alam semula jadi sepenuhnya dan juga objek-objek buatan manusia iaitu imej kapal yang menjadi asas tema wau ini sendiri.

APPLICATION NO.	GI2023000002
DATE OF FILING	22 Jun 2023
REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION	
MELON MANIS TERENGGANU	
CLASS 3	
LIST OF GOODS: FRUIT	
APPLICANT'S NAME/ ADDRESS /NATIONALITY/CAPACITY	
<p>Jabatan Pertanian Negeri Terengganu/ Tingkat 5, Wisma Negeri 20632 Kuala Terengganu Terengganu, Malaysia / Malaysia / Government Agency</p>	
THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES	
<p>The map displays the state of Terengganu, Malaysia, with a yellow shaded area indicating the geographical area for the Melon Manis Terengganu GI. Key locations marked include Kuala Terengganu, Kemaman, and various islands like Perhentian, Lang Tengah, and Redang. The map also shows major roads, jetties, and points of interest. A legend in the bottom right corner defines the symbols used: Federal Territory (red square), State Capital (red circle), Town (black circle), Place of Interest (blue circle), Road (grey line), and Jetty (black circle with a white dot). An inset map shows Terengganu's location within Malaysia, with Kuala Lumpur as the national capital. The text 'More maps @ www.malawi.com' is visible on the map.</p>	

THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

Melon Manis Terengganu (MMT) adalah merupakan buah hasil cetusan idea Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Razif Abd Rahman yang ketika itu dalam usaha mencari kelainan untuk diperkenalkan sebagai ikon baharu Negeri Terengganu. Melon Manis Terengganu merupakan varieti pertama bagi keluarga rock melon yang telah diumumkan oleh YB Menteri Besar Terengganu, Dato' Seri Ahmad Razif bin Abd. Rahman sebagai buah rasmi Negeri Terengganu pada 29 September 2015 sempena sambutan 110 Jabatan Pertanian peringkat Negeri Terengganu di TKPM Tok Dor. Varieti pertama bagi keluarga rock melon. Melon Manis Terengganu (MMT) mempunyai kombinasi tekstur yang rangup dan rasa yang manis serta berlemak. Rona warna yang memukau turut meletakkan Melon Manis Terengganu (MMT) sebagai buah yang unik dan mempunyai kelas tersendiri dan yang paling penting ia tidak pernah ditanam di mana-mana negara. Melon manis Terengganu mempunyai kulit berwarna kuning dan licin. Selain itu isinya berwarna "Salmon Colour". Ianya mempunyai purata berat : 1.2 kg – 1.8 kg serta ukuran kemanisan brix : >14% apabila matang. Tempoh penanamannya pula sekitar 65 hari selepas semai benih. Tekstur buahnya pula rangup 'crunchy', manis dan berkhasiat tinggi, selain itu jangka hayat buah (Shelf-life) : 10-15 hari selepas tuaian bergantung kepada suhu ambient. Melon Manis Terengganu (MMT) merupakan buah yang unik kerana mempunyai kombinasi tekstur yang rangup 'crunchy' dan rasa yang manis serta berlemak yang tidak ade pada buah melon yang lain. Rona warna yang memukau turut meletakkan Melon Manis Terengganu (MMT) sebagai buah yang unik dan mempunyai kelas tersendiri. Jangka hayat atau ketahanan buah MMT selepas dituai adalah selama dua (2) minggu sekiranya disimpan dalam suhu bilik dan boleh bertahan selama satu (1) bulan sekiranya disimpan dalam peti sejuk dingin (chiller). Bagi pengeluaran Melon Manis Terengganu, kaedah penanaman yang digunakan adalah tanaman secara fertigasi dan memerlukan Struktur Pelindung Hujan (SPH) bagi menghasilkan dan menjamin buah yang berkualiti. Terdapat empat (4) lokasi pengeluaran utama bagi Melon Manis Terengganu iaitu Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Peradong, Kuala Terengganu, Terengganu, Projek Fertigasi Alor Lintang, Besut, Terengganu, Projek Rimbunan Kasih Rantau Abang, Dungun, Terengganu, Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Tok Dor, Besut, Terengganu.

APPLICATION NO.	GI2023000003
DATE OF FILING	22 Jun 2023
REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION	
AIR NIRA TERENGGANU	
CLASS 2	
LIST OF GOODS: Prepared foodstuff and beverages	
APPLICANT'S NAME/ ADDRESS /NATIONALITY/CAPACITY	
<p>Jabatan Pertanian Negeri Terengganu/ Tingkat 5, Wisma Negeri 20632 Kuala Terengganu Terengganu, Malaysia / Malaysia / Government Agency</p>	
THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES	
<p>The map displays the state of Terengganu, Malaysia, with various geographical features and locations marked. Key locations include Kuala Terengganu, Marang, and several islands. The map also shows the South China Sea to the east and the Malay Peninsula to the west. A legend in the bottom right corner identifies symbols for Federal Territory, State Capital, Town, Place of Interest, Road, and Jetty. An inset map in the bottom left shows the location of Terengganu within Malaysia.</p>	

THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

Air nira merupakan minuman kegemaran masyarakat terutama Terengganu dan Kelantan. sejak tahun 70-an lagi Negeri-negeri ini mempunyai persisiran pantai dan tanah berpasir yang luas yang sesuai dengan tanaman kelapa menyebabkan mempunyai rasa keunikan tersendiri dan dapat dihasilkan dengan banyak. Sumber/bahan/pokok kelapa yang mudah untuk diperolehi kerana keluasan kelapa negeri Terengganu yang luas. Pada tahun 2021 keluasan kelapa negeri Terengganu adalah sebanyak 3,074 hektar. Bagi mereka yang melalui jalan Pantai dari Dungun menghala ke Kuala Terengganu, sudah pasti akan terpancang deretan pondok, bangsal dan warung yang menjual air nira sebaik sahaja tiba berhampiran Kampung Kelulut dan Alor Tuman Marang kerana sumber/bahan/pokok kelapa yang mudah untuk diperolehi. Istilah 'nyadat nyior' memang tidak asing lagi bagi masyarakat Terengganu. Ia merupakan satu teknik untuk mengeluarkan nira atau tuak dari palma ini. Mungkin, masih ada di kalangan kita masih tidak tahu bagaimana air nira dihasilkan dan bagaimana cara ia diambil dari pokok kelapa dan pokok nipah.

Mayang kelapa diikat dan dipotong hujungnya supaya tuak dapat mengalir dan dapat ditadah ke dalam suatu bekas buluh yang dinamakan 'tukil'. Namun kini, penggunaan tukil digantikan dengan botol plastik. Mayang kelapa dipotong sedikit demi sedikit sehingga nira tidak lagi keluar. Industri nira merupakan industri yang sangat terkenal di Marang, dan mempunyai kilang pengeluaran produk nipah di Kelulut,

Marang, Terengganu. Air nira kelapa dan nira nipah boleh didapati di sepanjang jalan di kampung Kelulut Marang. Cairan yang manis yang diperolehi dari batang tanaman seperti tebu, bit, betari, maple, atau getah tandan bunga (mayang) dari keluarga palma seperti kelapa, kurma, nipah, sagu, tal dan sebagainya. Mengandungi gula antara 10-15%. Dapat diminum terus, ditapai menjadi tuak nira atau diolah lebih lanjut menjadi sirap, gula dan sebagainya.

Air nira kelapa merupakan minuman yang istimewa di Terengganu dan menjadi salah satu minuman utama bagi rakyat Terengganu kerana pengeluaran yang amat tinggi sepanjang tahun terutama sepanjang bulan Ramadan (minuman wajib ketika berbuka puasa). Kualiti dan rasa yang lebih baik dari air nira negeri lain disebabkan kaedah pemprosesan air nira dilakukan oleh kebanyakan pengusaha yang berpengalaman lebih dari 5 tahun.

Air Nira Terengganu di kenali dengan kualiti, keunikan dan aspek unik di dalam penanaman dan pengeluarannya. Oleh yang demikian pelabelan produk Nira Terengganu mestilah jelas dinyatakan nama Petunjuk Geografi Nira Terengganu atau apa apa gambaran yang menggambarkan "Nira dari Terengganu", didalam aspek pengeluaran, pembungkusan, pengiklanan dan termasuk tetapi tidak terhad penggunaan nama "Nira Terengganu" di pelbagai media samada media cetak, siaran dan digital.

APPLICATION NO. GI2023000004	
DATE OF FILING 05 July 2023	
REPRESENTATION OF GEOGRAPHICAL INDICATION	KAIN TENUN PUNCA POTONG KELANTAN
CLASS 5	
LIST OF GOODS: Textile	
APPLICANT'S NAME/ ADDRESS /NATIONALITY/CAPACITY	
<p>Pertubuhan Seni Silat Jawi Kelantan/ PT 1946 Taman Kurnia Jaya 16100 Kota Bahru Kelantan Malaysia/ Malaysia/ Association</p>	
THE DEMARCATION OF THE GEOGRAPHICAL AREA TO WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION APPLIES	

THE QUALITY, REPUTATION OR OTHER CHARACTERISTICS OF THE GOODS FOR WHICH THE GEOGRAPHICAL INDICATION IS USED

Kain tenun Punca Potong Kelantan menjadi cerminan budaya masyarakat melayu Kelantan pada zaman dahulu. Ia menjadi lambang ketinggian kemahiran seni halus penenun tempatan dalam menggabungkan teknik tenun lkat Limar pada badan sehelai kain bercorak petak catur dan berjalur. Ianya adalah sejenis kain fabrik dari hasil teknik jalinan atau sulaman benang - benang secara selang seli antara benang loseng dengan benang pakan menggunakan mesin tenunan tangan (Kei berkaki). Ragam hias Kain Tenun Punca Potong bercorak petak tapak catur yang rumit.

Kain Tenun Punca Potong Kelantan bersaiz panjang 152cm ke 300cm dan Lebar 42cm ke 106cm yang tidak dijahit sambung antara hujung/ punca kain. Variasi saiz ini berikutan tempahan dari pembeli bagi kesesuaian penggunaan. Kain Tenun Punca Potong Kelantan diperbuat dari benang kapas, sutera atau gabungan kedua-dua jenis tersebut bergantung kepada tempahan pembeli serta penggunaannya. Ragam hias corak dan warna pula tergantung kepada penempah namun masih menepati elemen-elemen pada Kain Tenun Punca Potong Kelantan kerana dalam penghasilan tekstil, ragam hias corak dan warna adalah kreativiti dan kemahiran yang ada pada penenun.

Karakter bagi kain tenun dari benang kapas dan sutera beragam hias tapak catur dan jalur serta gabungan tenunan motif lkat Limar. Manakala bentuknya pula berbentuk empat segi panjang tidak dijahit bersambung. Selain itu ianya terdapat dalam pelbagai warna. Dari segi tenunan ianya ditenun menggunakan tangan antara benang loseng dan benang pakan menggunakan mesin tenunan tangan tradisional (Kei berkaki) serta mempunyai gabungan tenunan lkat Limar sebagai pengapit kepala kain. Sumber rujukan akademik warisan tekstil negara, buku, jurnal dan artikel telah banyak memperkatakan bahawa kain tenun punca potong ini berasal dari Kelantan. sebagai contoh, Norwani Md Nawawi dalam bukunya di mukasurat 82 ,Tenun lkat Limar - The Ancient Malay Textile mengatakan masyarakat negeri Kelantan mengenali tenun lkat Limar Lepas bercorak tapak catur ini sebagai kain tenun Punca Potong yang telah berabad digunakan.